

Pengisytiharan PM cabaran baru kepada Pas

UMP 31 MAY 2002

KOTA BHARU 30 Mei — Pas mengakui tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam menjadi cabaran baru bagi parti itu dalam memperluaskan pengaruhnya di kalangan umat Islam di negara ini.

Bagaimanapun, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, Pas menolak perisytiharan tersebut dan menyifatkannya sebagai 'mainan politik' UMNO sahaja.

"Isytihar negara Islam tanpa perubahan dasar, itu mainan sahaja. Kami tolak seratus peratus, lebih-lebih lagi Perdana Menteri sebut Malaysia negara Islam tanpa apa-apa perubahan, apa

ertinya," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Muktamar Dewan Ulama Pas Pusat di sini, hari ini.

Nik Abdul Aziz mendakwa tindakan UMNO itu bertujuan mendapatkan semula sokongan rakyat setelah mendapati pengaruh mereka semakin terhakis.

Sehubungan itu, beliau menyeru anggota Pas khususnya para ulama yang menyokong parti itu turut aktif memberi penjelasan kepada masyarakat Islam berhubung isu dan strategi terbaru UMNO itu yang bertujuan mengelirukan umat Islam.

Semasa berucap pada majlis itu, beliau berkata, perisytiharan negara Is-

lam oleh Perdana Menteri membuktikan bahawa perjuangan Pas selama ini adalah betul iaitu mengajak masyarakat supaya menghayati Islam dalam setiap amalan kehidupan seharian.

Mengenai kenyataan Dr. Mahathir bahawa pembangkang tidak mempunyai pengaruh dan masa depan lagi selepas pilihan raya umum akan datang, beliau berkata, Pas akan sentiasa mendapat sokongan di negara ini.

"Selagi ada dunia selagi itulah ada pembangkang. Selagi kamu (UMNO) ada di muka dunia ini, selagi itulah kami (Pas) ada," tegasnya.